

# PERANCANGAN BENTUK SUSUN ATUR KEHIDUPAN HARI TUA DALAM KALANGAN INDIVIDU PERTENGAHAN USIA

## *LIVING ARRANGEMENT PLANNING OF OLD AGE LIFE AMONG MIDDLE AGED INDIVIDUALS*

Nurzalyna Mohamed Zaki<sup>1</sup>

Kalthum Hassan<sup>2</sup>

Nur Syakiran Akmal Ismail<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (zalynazaki@gmail.com)

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (kalthum@uum.edu.my)

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (nsai@uum.edu.my)

### Article history

**Received date** : 16-11-2021

**Revised date** : 17-11-2021

**Accepted date** : 16-12-2021

**Published date** : 16-12-2021

### To cite this document:

Mohamed Zaki, N., Hassan, K., & Ismail, N. S. (2021).

Perancangan Bentuk Susun Atur Kehidupan Hari Tua

dalam Kalangan Individu Pertengahan Usia. *Jurnal*

*Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(13), 39 - 51.

**Abstrak:** Peningkatan bilangan warga emas di Malaysia telah menjadikan status Malaysia sebagai negara bakal tua dan dijangka menjadi sebuah negara tua pada tahun 2030. Antara penyumbang kepada kesejahteraan kehidupan ketika menjalani usia tua adalah susun atur kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti perancangan bentuk susun atur kehidupan di hari tua bagi individu pertengahan usia (40 tahun – 60 tahun). Hasil kajian didapati melalui temu bual perbincangan kumpulan fokus yang disertai oleh 10 orang responden. Kesemua responden bersetuju mereka ingin meneruskan kehidupan hari tua di kediaman mereka sendiri namun sekiranya terdapat halangan di masa hadapan, hanya dua responden memiliki perancangan alternatif. Faktor perancangan bentuk susun atur kehidupan masa hadapan adalah disebabkan oleh keselesaan yang kini mereka rasakan di kediaman mereka dan faktor kedudukan kewangan. Intipati kajian ini boleh dijadikan panduan kepada penggubal dasar yang berkenaan agar kehidupan warga emas di masa hadapan dapat dijalani dengan sejahtera.

**Kata kunci:** Pertengahan usia, susun atur kehidupan, warga emas

**Abstract:** The increase in the number of the elderly in Malaysia has made Malaysia as an aging nation and is expected to become an aged nation by 2030. Among the contributors to well - being in old age is their living arrangement. Accordingly, this study aims to identify the planning of living arrangement in old age for middle -aged individuals (40 years - 60 years). The results of the study were obtained through focus group discussions attended by 10 respondents. All respondents agreed that they would like to continue living in their own home in old age. However, if there are any obstacles in the future, only two respondents have alternative plans. The planning factor of future living arrangement is due to the comfortness they currently experience in their home and the financial aspect. The results of this study can be used as a guide to the relevant policy makers so that the elderly in the future can have a prosperous old age life.

**Keywords:** Middle aged, living arrangement, elderly

## Pengenalan

Susun atur kehidupan merupakan elemen penting dalam menghadapi kehidupan hari tua kerana ia mempengaruhi kualiti kehidupan warga emas (Bilgili & Arpaci, 2014; Kim et al., 2017). Namun susun atur kehidupan di hari tua dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti jantina (Waite & Das, 2010; Klinenberg, 2012), keupayaan melakukan tugas harian (Wang, Chen, Pan, Jing & Liu, 2013), bilangan anak dan taraf perkahwinan (Padyab, Reher, Requena & Sandstrom, 2019) dan juga budaya (Connidis, Borell & Karlsson, 2017). Susun atur yang dipilih warga emas adalah berdasarkan persediaan sebelum memasuki usia tua di samping keadaan diri mereka pada ketika itu.

Persediaan individu dalam konteks susun atur kehidupan sebelum memasuki usia tua adalah penting bagi menjamin ekspektasi kehidupan hari tua mereka dapat dipenuhi. Bagi individu yang mempunyai kehendak untuk meneruskan kehidupan di institusi penjagaan akan melakukan persediaan kewangan termasuk memiliki insurans. Namun, bagi individu yang mempunyai ekspektasi tinggal bersama anak akan kurang menumpukan kepada persediaan kewangan (Schaber & Stum, 2007; Brown, Goda & McGarry, 2012). Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengetahui bentuk persiapan individu pertengahan usia bagi mendapatkan bentuk susun atur hari tua yang mereka idamkan.

## Pernyataan Masalah

Terdapat beberapa kajian telah menemukan bahawa warga emas yang tinggal di kediaman mereka sendiri di hari tua dapat mengekalkan rasa kepunyaan terhadap kediaman (Schorr & Khalaila, 2018), mengekalkan autonomi dan privasi (Stones & Gullifer, 2016; Bigonnesse & Chaudhury, 2020) dan memelihara identiti serta memori kehidupan mereka (Carver, Beamish, Phillips & Villeneuve, 2018). AIP turut dapat memberikan kepuasan kehidupan kepada warga emas dan menyumbang kepada kesejahteraan kehidupan mereka kerana mereka bebas untuk hidup secara berdikari (Vanleerberghe, De Witte, Claes, Schalock & Verte, 2017; Tobi et. al., 2017; Ahn, Kwon & Kang, 2020).

Namun begitu, tanpa perancangan yang rapi sedari usia muda, cabaran ketika meniti hari tua tidak dapat diatasi dengan sebaiknya. Antara cabaran tersebut merangkumi cabaran keterbatasan fizikal untuk menguruskan kediaman termasuk membersihkan kediaman dan melakukan penyelenggaraan seperti menukar lampu, mengenal pasti kerosakan di kediaman dan lain-lain (Fausset, Kelly, Rogers & Fisk, 2011; Smarr et. al., 2014; Coleman, Kearns & Wiles, 2016; Andersson, Abramsson & Malmberg, 2019). Selain itu, dari sudut psikologi pula warga emas cenderung berasa sunyi sekiranya kepuasan hidup mereka menurun disebabkan kemerosotan kesihatan (Tumer, Donmez, Gumussoy & Balkaya, 2021).

Sebegitu juga dengan pemilihan susun atur kehidupan di institusi penjagaan. Warga emas turut berhadapan dengan cabaran yang tersendiri. Kajian oleh Guimaraes et. al. (2019) menyatakan bahawa warga emas yang tinggal di institusi penjagaan berhadapan dengan gejala kemurungan kerana masalah kesihatan dan kesunyian. Menurut pandangan penjaga warga emas di insituti penjagaan pula, warga emas menghadapi masalah untuk mengekalkan kehidupan sebelum tinggal di institusi, melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi dan membina hubungan baharu bersama penghuni lain. Kesannya, mereka tidak gembira dan sejahtera di institusi penjagaan (Naik & Ueland, 2020).

Justeru itu, perancangan yang baik dapat membantu warga emas di masa hadapan hidup sejahtera dan turut membantu mengurangkan perbelanjaan kerajaan. Pada April 2021, kerajaan

memperuntukkan RM30 juta bagi membina semula Rumah Seri Kenangan (RSK) Bedong (Mansor, 2021). Sebegitu juga dengan RSK Johor Bahru yang menerima RM70.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi menaik taraf RSK tersebut (Hashim, 2021). Sekiranya individu pertengahan usia dapat merancang susun atur kehidupan hari tua sebaiknya, berkemungkinan perbelanjaan awam ke atas RSK juga dapat dikurangkan dan penjagaan warga emas kembali kepada keluarga dan komuniti. Perancangan awal susun atur kehidupan memberikan impak positif kepada warga emas sendiri dan pihak kerajaan.

### **Sorotan Karya**

Proses modenisasi di Malaysia telah membawa kepada perubahan demografi di mana berlaku peningkatan bilangan warga emas. Berdasarkan laporan Jabatan Statistik Malaysia, pada tahun 1970, warga emas hanya berjumlah 3.3 peratus daripada keseluruhan populasi dan meningkat kepada 6.2 peratus pada tahun 2017. Pada tahun 2040 pula peratusan warga emas dijangka akan menyamai peratusan orang muda iaitu pada kadar 14.5 peratus dan 18.6 peratus masing-masing (Jabatan Statistik Malaysia, 2017). Penuaan penduduk merupakan cabaran terhadap struktur sosial dan demografi di setiap negara sama ada maju, membangun ataupun kurang maju. Walaupun setiap negara mempunyai tempoh, kadar dan skala yang berbeza dalam mendepani status negara tua, namun pertambahan bilangan warga emas tidak dapat dielakkan mahupun ditangguhkan. Pada ketika ini, Malaysia dikategorikan sebagai negara bakal tua.

#### **i) Susun atur kehidupan warga emas di Malaysia**

Bagi konteks Malaysia, keluarga sentiasa menjadi sandaran memberikan sokongan kehidupan di hari tua. Antara kajian awal yang mengkaji susun atur kehidupan warga emas di Malaysia adalah kajian daripada Martin (1989) yang mendapati bahawa 68.9 peratus warga emas tinggal bersama anak-anak. Kajian DaVanzo dan Chan (1994) pula menyatakan bahawa dua pertiga warga emas di Malaysia tinggal bersama dengan anak atas pengaruh kos, faedah dan peluang apabila tinggal bersama. Manakala kajian Kooshiar, Yahaya, Hamid, Samah dan Jou (2012) menunjukkan tinggal bersama anak merupakan pengaturan kehidupan yang paling biasa bagi warga emas di Semenanjung Malaysia dan ia memberikan mereka kepuasan hidup dan sokongan sosial yang lebih baik. Kemudian, kajian oleh Mohd, Senadjki dan Mansor (2017) mendapati bahawa sebahagian besar peratusan warga emas Malaysia tinggal bersama sekurang-kurangnya seorang anak dewasa dan warga emas di luar bandar lebih berpotensi untuk tinggal berseorangan.

Di Malaysia, terdapat alternatif susun atur kehidupan lain selain daripada tinggal di kediaman sendiri atau di kediaman anak-anak. Pusat penjagaan warga emas di Malaysia dibahagikan kepada dua iaitu yang bersifat kebajikan dan persendirian. Pusat penjagaan warga emas kebajikan diselia oleh pihak kerajaan atau pihak badan bukan kerajaan (Wagiman, Mohidin & Ismail, 2016). Di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), terdapat sepuluh Rumah Seri Kenangan (RSK) di Semenanjung Malaysia. Namun, warga emas yang dimasukkan ke RSK merupakan warga emas yang tidak mempunyai waris dan tiada tempat tinggal yang tetap (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020). Bagi pusat penjagaan warga emas persendirian pula, segala kos kemasukan ditanggung sendiri oleh warga emas dan operasi dijalankan oleh pihak swasta.

#### **ii) Ekspektasi susun atur kehidupan hari tua oleh individu pertengahan usia**

Pada usia 40 tahun sehingga sebelum memasuki usia warga emas, seseorang individu akan lebih memikirkan kehidupan selepas persaraan di mana pada ketika itu mereka tergolong dalam kategori warga emas (Anderson, Li, Bechhofer, McCrone & Steward, 2000; Cepeda et. al.,

2018). Maka, individu mula memikirkan mengenai corak susun atur kehidupan yang diidamkan di masa hadapan dan melakukan beberapa persediaan bagi mencapai impian tersebut. Namun, persediaan jaringan keselamatan bagi bakal warga emas di Malaysia agak ketinggalan jika dibandingkan dengan negara maju. Malaysia tidak menyediakan atau mewajibkan insurans penjagaan jangka panjang, skim pencen swasta, anuiti pendapatan dan faedah keselamatan sosial untuk pesara dan warga emas (Yip, 2012). Justeru, perancangan yang baik sebelum memasuki usia warga emas perlu dititik beratkan.

Terdapat kajian telah menunjukkan bahawa keinginan sebenar kebanyakan individu adalah tinggal di kediaman mereka sendiri secara berdikari. Kajian oleh Samsudin, Abdullah, Ismail, Hassan dan Ahmad (2019) ke atas 1,153 orang responden di ketiga-tiga koridor ekonomi Malaysia yang berusia 40 hingga 59 tahun mendapati bahawa 83.8 peratus responden memilih untuk tinggal di kediaman mereka sendiri apabila tua. Kajian sebelumnya oleh Aini, Murni dan Abd Aziz (2016) mendapati bahawa 15 peratus warga emas di Kuala Lumpur yang mewakili kawasan urban sementara hanya tiga peratus warga emas di Kelantan yang mewakili kawasan luar bandar ingin berpindah ke kediaman lain. Majoriti daripada responden di kedua-dua kawasan ingin kekal menua di kediaman sedia ada. Hal ini berikutan kediaman sendiri memberikan autonomi, jaminan keselamatan, privasi dan keselesaan kepada warga emas (Sixsmith & Sixsmith, 2008). Selain daripada itu, kediaman sendiri juga memelihara memori mereka mengenai kehidupan mereka serta membolehkan mereka menjadi diri mereka sendiri (Stones & Gullifer, 2016).

### **iii) Bentuk persiapan susun atur kehidupan**

Kebanyakan responden di dalam kajian Henning-Smith dan Shippee (2015) tidak mempunyai sebarang persiapan bagi susun atur kehidupan di hari tua kerana mereka menjangkakan mereka tetap akan kekal di kediaman mereka sendiri. Mereka tidak langsung memikirkan tentang keperluan untuk berpindah ke institusi penjagaan dan sebarang cabaran akan dibantu oleh ahli keluarga terdekat. Bagi individu pertengahan usia di China pula, mereka memilih untuk tinggal berhampiran dengan kediaman anak supaya dapat diberikan bantuan di hari tua tanpa perlu ke institusi penjagaan (Meng, Xu, He, Zhang & Lin, 2017). Hal ini menunjukkan bahawa ahli keluarga menjadi tonggak kepada penjagaan yang diharapkan di hari tua walaupun ingin kekal di kediaman sendiri. Bagi sesetengah individu pertengahan usia pula, mereka tidak merancang susun atur kehidupan hari tua kerana tidak mengetahui kesesuaian diri semasa tua. Justeru, mereka mencarum pelan kewangan secara tetap bagi digunakan sekiranya mereka perlu ke institusi penjagaan (Dixon et. al., 2019). Selain bergantung kepada keluarga, kesedaran diri sendiri juga memainkan peranan dalam melakukan persediaan dalam menyusun atur kehidupan di hari tua.

### **Metodologi**

Kajian ini telah mengaplikasikan kaedah pengumpulan data secara kualitatif secara keseluruhan dengan mendapatkan data secara perbincangan kumpulan fokus. Rasionalnya, data yang diperolehi merupakan data yang pelbagai dari responden terlibat memandangkan setiap responden tidak hanya bertindak balas kepada soalan, malahan terhadap jawapan responden lain dan sering bertukar pandangan mengenai pengalaman dan bertanyakan soalan bagi percambahan perbincangan (Kitzinger, 1995; Nyumba, Wilson, Derrick & Mukherjee, 2018). Perbincangan kumpulan fokus dilakukan bagi meneroka dan menghuraikan pandangan bersama responden yang kurang dicapai sekiranya hanya dilakukan melalui temubual bersemuka (Newcomer, Hatry & Wholey, 2015). Keseluruhan proses pengumpulan data melalui

perbincangan kumpulan fokus ini dilakukan mengikut saranan oleh Nyumba et al. (2018) yang melibatkan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis data, pelaporan dan perbincangan.

Reka bentuk kajian adalah berkenaan dengan menentukan objektif utama kajian, mengenalpasti dan merekrut responden, dan mengenalpasti lokasi yang sesuai bagi perbincangan. Objektif utama kajian dikenalpasti bagi membentuk soalan-soalan dalam perbincangan. Responden perbincangan kumpulan fokus dipastikan homogen kerana mereka berkongsi beberapa persamaan. Sifat homogen yang ada pada responden membantu dalam meneroka perkongsian pendapat secara lebih mendalam. Homogen dalam kajian ini merujuk kepada persamaan antara responden yang perlu mempersiapkan diri mereka bagi menghadapi hari tua dalam konteks susun atur kehidupan. Walaupun berlainan latar belakang seperti pekerjaan, usia dan lain-lain, namun penekanan terhadap homogen yang merujuk kepada persediaan hari tua mendorong mereka untuk terbuka berkongsi pandangan. Komposisi responden perbincangan kumpulan fokus kajian ini adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Demografi Responden Perbincangan Kumpulan Fokus**

No.	Responden	Jantina	Umur	Pekerjaan
1.	R1	Perempuan	55	Peniaga kecil-kecilan
2.	R2	Perempuan	50	Suri rumah
3.	R3	Perempuan	48	Pekerja am
4.	R4	Perempuan	45	Peniaga
5.	R5	Lelaki	46	Pekerja sektor kerajaan
6.	R6	Lelaki	45	Pekerja sektor swasta
7.	R7	Lelaki	55	Pekerja sektor swasta
8.	R8	Lelaki	56	Pensyarah universiti
9.	R9	Perempuan	53	Pekerja sektor kerajaan
10	R10	Perempuan	56	Peniaga

Bilangan responden kajian ini adalah bertepatan dengan keperluan perbincangan kumpulan fokus. Gill, Steward, Treasure dan Chadwick (2008) berpendapat bahawa tiada jumlah responden yang ideal di dalam sesebuah perbincangan kumpulan fokus namun Bloor, Frankland, Thomas dan Robson (2001) menyatakan bilangan tiga hingga 14 orang responden perbincangan kumpulan fokus memadai untuk menjayakannya. Tambahnya lagi, kumpulan kecil berisiko menghadkan perbincangan manakala kumpulan besar pula berisiko sukar dikawal selia oleh moderator dan adanya responden yang kurang mendapat peluang untuk mengutarakan perkongsian maklumat.

Sebelum proses pengumpulan data bermula, responden mendapat set soalan yang akan diajukan di dalam perbincangan bagi memastikan kelancaran proses perbincangan kumpulan fokus. Tambahan pula, set soalan sebagai panduan tersebut dapat membantu meningkatkan kebolehpercayaan perbincangan dan memastikan ianya dilakukan dalam tempoh masa yang telah ditentukan (Barbour, 2007). Semasa perbincangan kumpulan fokus berlangsung, moderator bertindak membimbing responden dengan mengajukan soalan-soalan utama dan menggalakkan perbincangan sesama mereka. Perbincangan kumpulan fokus dirakam menggunakan audio perakam bagi tujuan transkripsi untuk mengeluarkan analisis perbincangan kumpulan fokus secara analisis tematik sejajar dengan saranan Wilkinson (2011).

## Perbincangan

Analisis kajian ini dilakukan dengan cara mengenal pasti corak jawapan dalam data yang telah diperolehi dan ia telah digunakan bagi menerangkan isu yang diketengahkan di dalam kajian ini iaitu faktor individu melakukan persediaan dalam konteks susun atur kehidupan untuk hari tua mereka. Kajian ini turut mengenal pasti bentuk susun atur kehidupan yang dirancang oleh responden bagi menghadapi hari tua.

### i) Perancangan Bentuk Susun Atur Kehidupan Hari Tua

Kesemua responden kajian ini menyatakan bahawa mereka sememangnya ingin meneruskan kehidupan hari tua mereka di kediaman sendiri. Walaupun berlainan jantina, usia, pendapatan dan status perkahwinan, namun kesemua mereka memberikan ekspektasi yang sama.

*“Saya nak duduk rumah saya, duduk kampung. Seronok. Nak mengaji-mengaji kan. Bukan sekarang tak mengaji tapi dah tua kita nak full time dengan akhirat lah kan.”*

[R4, perempuan, peniaga]

*“Saya nak rumah sendiri. Sebab tu masa merancang untuk beli rumah, saya tengok rumah area masjid. Beli kat sini lah boleh pergi ke masjid nanti-nanti (hari tua).”*

[R5, lelaki, pekerja sektor kerajaan]

*“Kalau boleh sampai akhir hayat dengan suami di rumah kami sendiri. Kita semua biasa dengan rumah kita.”*

[R2, perempuan, suri rumah]

*“Di rumah kita lah. Kita memang ada rumah dah. Tu rumah kita, nak pi mana. Tak mahu susah anak-anak. Anak-anak tengok-tengok kan kita sudah lah.”*

[R10, perempuan, peniaga]

*“Duduk dengan isteri la. Saya beli tanah lot untuk buat rumah nak pencen. Duduk situ. Yang sebelah tu untuk anak yang mana mau. Boleh lah duduk dekat.”*

[R8, lelaki, pensyarah universiti]

Pemilihan alternatif selain kediaman sendiri merupakan tinggal bersama anak dan pondok. Responden yang menjadikan pondok sebagai pilihan kedua tidak memikirkan untuk meneruskan kehidupan hari tua di institusi warga emas milik kerajaan mahupun swasta. Terdapat tiga responden yang memilih untuk menjadikan pondok sebagai susun atur kehidupan alternatif dan seorang responden ingin tinggal bersama anak sebagai pilihan kedua. Manakala empat responden tetap memilih untuk tinggal di kediaman sendiri dengan perancangan-perancangan yang telah disediakan bagi menyokong keperluan pada ketika itu. Dua responden lagi tidak mempunyai sebarang perancangan dan tidak memikirkan sebarang alternatif lain.

*“Kalau kita dah terpisah dengan suami, anak-anak lah kot kita nak tumpang. Itu pilihan kedua la. Rumah orang tua-tua tu tak lah kot. Ada anak-anak kan. Pondok pun boleh lah nak pertimbang.”*

[R2, perempuan, suri rumah]

*“Kalau suami kita hidup boleh la duduk dengan dia. Kalau dia tak ada, kita ada duit tak kisah lah duduk rumah sendiri juga ke, pergi pondok pun boleh. Duduk pondok kalau kita sakit demam ada yang tengok.”*

[R1, perempuan, peniaga kecil-kecilan]

*“Buat masa ni saya dah beli rumah, duduk sini lah. Tapi kalau dah tak boleh, dok terfikir-fikir nak pi pondok Ustaz Kazim lah kot. Rumah orang tua-tua tu tak terfikir lagi lah.”*

[R9, perempuan, kakitangan pentadbiran universiti]

**Jadual 2: Ringkasan Perancangan Susun Atur Kehidupan Di Usia Tua Dalam Kalangan Responden**

No.	Responden & Status perkahwinan	Jantina	Umur	Pekerjaan	Perancangan susun atur kehidupan hari tua	Perancangan susun atur kehidupan alternatif
1.	R1 Berkahwin	Perempuan	55	Peniaga kecil-kecilan	Rumah sendiri	Pondok
2.	R2 Berkahwin	Perempuan	50	Suri rumah	Rumah sendiri	Rumah anak-anak
3.	R3 Bercerai	Perempuan	48	Pekerja am	Rumah sendiri	Tiada perancangan
4.	R4 Berkahwin	Perempuan	45	Peniaga	Rumah sendiri	Rumah sendiri
5.	R5 Berkahwin	Lelaki	46	Pekerja sektor kerajaan	Rumah sendiri	Rumah sendiri
6.	R6 Berkahwin	Lelaki	45	Pekerja sektor swasta	Rumah sendiri	Tidak pernah berfikir
7.	R7 Berkahwin	Lelaki	55	Pekerja sektor swasta	Rumah sendiri	Rumah sendiri
8.	R8 Berkahwin	Lelaki	56	Pensyarah universiti	Rumah sendiri	Rumah sendiri
9.	R9 Bujang	Perempuan	53	Kakitangan pentadbiran universiti	Rumah sendiri	Pondok
10	R10 Berkahwin	Perempuan	56	Peniaga	Rumah sendiri	Pondok

## ii) Faktor pemilihan awal susun atur kehidupan hari tua

### a) Keselesaan

Keselesaan menjadi faktor penting yang dipertimbangkan oleh kesemua responden kerana kediaman yang mereka diami rata-rata telah melebihi lima tahun. Ia selari dengan dapatan oleh Meng, Xu, He, Zhang dan Lin (2017) yang mendapati golongan pertengahan usia yang telah mendiami komuniti tersebut lebih daripada 10 tahun lebih berkeinginan untuk hidup berterusan di kediaman tersebut berbanding tinggal bersama anak. Manakala kajian oleh Jumadi et. al. (2019) juga menyatakan bahawa keterlibatan dengan kawasan kejiranan telah membuat mereka merasa selesa dan tiada niat untuk berpindah apabila tua.

Antara faktor yang diambil kira oleh responden dalam merencanakan kehidupan hari tua di kediaman sendiri adalah berikutan keselesaan mereka untuk beribadah di masa hadapan. Antara lain kediaman sendiri memberikan keselesaan dan kebiasaan mereka dengan kediaman dan kawasan sekeliling menjadikan mereka lebih memilih untuk meneruskan kehidupan hari tua.

*“Memang nak duduk rumah sendiri. Jadi apa-apa pun rumah sendiri senang, kita dah biasa, kita selesa. Nak mengaji ke, ibadah ke tak ada siapa nak ganggu. Kalau rumah anak tau la cucu kan.*

[R4, perempuan, peniaga]

*“Saya memang nak habiskan umur kat rumah saya sendiri. Saya dah buat rumah tu elok, untuk keselesaan masa depan. Kalau tak ada pasangan nanti saya fikir saya akan cari pengganti. Boleh tua sama-sama, ada orang jaga kita.*

[R7, lelaki, pekerja sektor swasta]

*“Saya nak duduk rumah saya sendiri, saya dah beli tanah luas untuk saya buat aktiviti tanam-tanam ke bila dah tua nanti. Anak pun boleh bina rumah sebelah je.*

[R8, lelaki, pensyarah universiti]

*“Rumah sendiri kita selesa. Nak uruskan kehidupan pun ikut kita lah. Rasa nak buat apa kita buat. Yang penting ada duit, kalau ada apa-apa jadi boleh minta tolong orang.*

[R10, perempuan, peniaga]

### b) Kemampuan kewangan

Melalui temu bual, pengkaji mendapati bahawa kewangan menjadi antara faktor yang sering dibangkitkan oleh responden sama ada mereka melakukan perancangan mahupun tidak. Kajian lampau menyatakan bahawa keselamatan kewangan warga emas terjejas sekiranya tiada sokongan daripada keluarga atau kerajaan dan menjadikan kedudukan kewangan sebagai penyumbang kesejahteraan yang utama (Kumar & Kumar, 2019). Justeru itu, kewangan sentiasa menjadi elemen yang diambil kira sebelum melakukan sebarang tindakan.

Bagi R1, beliau menyatakan bahawa beliau perlu menjual kuih-muih bagi mendapatkan pendapatan sampingan kerana dia seorang suri rumah. Namun, pendapatan jualannya hanya digunakan sedikit bagi tujuan perbelanjaan dan selebihnya disimpan untuk mengerjakan haji. Bagi dirinya, mengerjakan haji adalah matlamat utama. Dia tidak memberikan tumpuan mengenai susun atur kehidupan kerana boleh mengharap anak-anak di masa hadapan. Jelasnya:



*“Ada duit boleh lah dapat macam mana kita nak. Nak duduk rumah ke, nak pi pondok ke. Ni, ada simpan sikit-sikit pun untuk nak pi Mekah buat haji. Yang lain kemudian.”*

[R1, perempuan, peniaga kecil-kecilan]

R3 pula tidak membuat sebarang perancangan kerana pendapatan yang diperoleh setiap bulan hanya cukup bagi menampung perbelanjaan hariannya. Maka, dia tidak melakukan sebarang perancangan seperti membeli kediaman sendiri kerana kekurangan simpanan. Sekiranya keadaan kesihatannya menurun dan memerlukan bantuan, beliau tidak pasti tindakan yang akan dilakukannya. Sebegitu juga dengan R6 yang menyatakan beliau masih tidak memikirkan perancangan susun atur kehidupan masa hadapan. Walaupun beliau bekerja dan mempunyai tanggungan, namun beliau menyatakan bahawa beliau kurang melakukan simpanan kewangan dan belum memiliki kediaman sendiri. Baginya, pendapatan ketika ini perlu digunakan bagi tujuan menampung keperluan harian. Maka, beliau masih belum merancang mengenai susun atur kehidupan di hari tua walaupun berhasrat ingin menua bersama isterinya.

Bertentangan dengan responden-responden yang mempunyai kedudukan kewangan dan simpanan yang kukuh, kesemua mereka telah melakukan perancangan yang baik. Antara perancangan yang jelas adalah dengan memiliki kediaman sendiri. Ia telah dinyatakan dengan jelas oleh R5, R7 dan R8. Kesemua responden ini telah membeli kediaman sendiri sejurus mendapat pekerjaan tetap semasa berusia awal 20-an dan ia adalah antara usaha yang mereka lakukan bagi membolehkan mereka menua di kediaman sendiri. Responden R10 pula melakukan perancangan simpanan bagi membolehkan beliau tinggal di pondok sekiranya kematian suami. Beliau tidak berhasrat untuk tinggal bersama anak-anaknya kerana inginkan kebebasan dan keselesaan ketika melalui usia tua.

Bagi R4 pula, beliau telah merancang untuk tinggal di kediaman sendiri kerana selesa dengan suasana luar bandar. Bagi merialisasikan impiannya, beliau telah merancang untuk memberikan lot tanah bersebelahan kediaman kepada anaknya. Beliau telah 47enyusun perancangan sekiranya beliau mengalami kemerosotan kesihatan, maka anaknya dapat memberikannya bantuan. Selain itu, beliau juga boleh terus kekal di kediamannya tanpa perlu ke mana-mana institusi. Beliau berupaya melakukan perancangan tersebut kerana beliau mempunyai perniagaan sendiri dan melakukan tabungan secara berkala. Menurutnyaa:

*“ Rumah saya dah ada. Nak simpan duit buat rumah satu lagi... Ada anak yang setuju nak balik mai buat rumah. Duduk sorang pun takpa dah. Jadi lah. Boleh tengok-tengok, main dengan cucu. Apa-apa pun, simpanan kena ada.”*

### **Kesimpulan**

Dapatan kajian ini menyimpulkan kesemua responden kajian ingin menghabiskan hari tua mereka di kediaman mereka sendiri. Daripada keseluruhan 10 orang responden, hanya dua responden mempunyai rancangan alternatif sekiranya mereka tidak lagi mampu meneruskan kehidupan hari tua secara berdikari. Dua responden lain pula tidak ada perancangan alternatif dan tidak pernah memikirkan tentang susun atur kehidupan hari tua masa hadapan. Namun, kedua-dua responden ini tidak mempunya perancangan lain berikutan mereka berasakan tidak ada keperluan untuk memikirkan tentang susun kehidupan hari tua yang masih berbaki lebih daripada 10 tahun. Keinginan mereka untuk meneruskan kehidupan di rumah sendiri berikutan kediaman sendiri merupakan faktor penyumbang utama kepada kehidupan (Karakaya, Bilgin, Ekici, Kose & Otman, 2009; Safavi, 2015).

Kediaman sendiri juga memberikan keselesaan kepada individu sama ada pertengahan usia mahupun warga emas. Justeru, ia menjadi faktor utama responden kajian ini memilih kediaman mereka sendiri berbanding susun atur kehidupan lain. Ia dibuktikan dalam beberapa kajian bahawa kediaman sendiri menjanjikan keselesaan kepada warga emas (Loo, Lam, Mahendran & Katagiri, 2017; Ahn, Kwon & Kang, 2020). Walaupun belum memasuki usia tua, namun keselesaan yang dirasakan kini yang menjadi pendorong mereka untuk kekal di kediaman mereka sendiri selagi berdaya. Selain daripada itu, kedudukan kewangan juga menjadi faktor perancangan awal mereka. Bagi responden yang memiliki kedudukan kewangan yang baik, maka perancangan susun atur kehidupan mereka direncanakan sejak dari pertengahan usia seperti membeli tanah dan kediaman sendiri. Bagi responden yang tidak memiliki kedudukan yang kukuh, perancangan mereka lebih tertumpu kepada kehidupan sedia ada. Maka, ianya dapat disimpulkan bahawa kewangan menjadi faktor untuk mempunyai perancangan yang baik atau sebaliknya bagi susun atur kehidupan hari tua.

Dapatan kajian ini dapat memberikan input kepada institusi yang berkenaan untuk merencanakan kehidupan yang berkualiti bagi warga emas di masa hadapan. Bertepatan dengan status Malaysia yang sedang menuju ke negara tua menjelang 2030, dasar dan pelan tindakan perlu diteliti pada masa kini.

## Rujukan

- Ahn, M., Kwon, H. J., & Kang, J. (2020). Supporting aging-in-place well: findings from a cluster analysis of the reasons for aging-in-place and perceptions of well-being. *Journal of Applied Gerontology, 39*(1), 3-15.
- Aini, A. M., Murni, N., & Abd Aziz, W. N. A. W. (2016). Housing Aspirations of the Elderly in Malaysia: A Comparison of Urban and Rural Areas. *Journal of design and built environment, 16*(2).
- Anderson, M., Li, Y., Bechhofer, F., McCrone, D., & Stewart, R. (2000). Sooner rather than later? Younger and middle-aged adults preparing for retirement. *Ageing and Society, 20*, 445 – 466,
- Andersson, E. K., Abramsson, M., & Malmberg, B. (2019). Patterns of changing residential preferences during late adulthood. *Ageing & Society, 39*(8), 1752-1781.
- Barbour, R. (2007). *Doing focus groups*. London: Sage.
- Bigonnesse, C., & Chaudhury, H. (2020). The landscape of “Aging in Place” in gerontology literature: emergence, theoretical perspectives, and influencing factors. *Journal of Aging and Environment, 34*(3), 233-251.
- Bilgili, N., & Arpacı, F. (2014). Quality of life of older adults in Turkey. *Archives of gerontology and geriatrics, 59*(2), 415-421.
- Bloor, M., Frankland, J., Thomas, M., & Robson, K. (2001). *Focus groups in social research*. London: Sage Publications.
- Brown, J. R., Goda, G. S., & McGarry, K. (2012). Long-term care insurance demand limited by beliefs about needs, concerns about insurers, and care available from family. *Health Affairs, 31*(6), 1294-1302.
- Carver, L. F., Beamish, R., Phillips, S. P., & Villeneuve, M. (2018). A scoping review: Social participation as a cornerstone of successful aging in place among rural older adults. *Geriatrics, 3*(4), 75.
- Cepeda, M., Koolhaas, C. M., van Rooij, F. J., Tiemeier, H., Guxens, M., Franco, O. H., & Schoufour, J. D. (2018). Seasonality of physical activity, sedentary behavior, and sleep in a middle-aged and elderly population: the Rotterdam study. *Maturitas, 110*, 41-50.

- Coleman, T., Kearns, R. A., & Wiles, J. (2016). Older adults' experiences of home maintenance issues and opportunities to maintain ageing in place. *Housing Studies*, 31(8), 964-983.
- Connidis, I. A., Borell, K., & Karlsson, S. G. (2017). Ambivalence and living apart together in later life: A critical research proposal. *Journal of Marriage and Family*, 79(5), 1404-1418.
- DaVanzo, J., & Chan, A. (1994). Living arrangements of older Malaysians: Who coresides with their adult children?. *Demography*, 31(1), 95-113.
- Dixon, J., Trathen, A., Wittenberg, R., Mays, N., Wistow, G., & Knapp, M. (2019). Funding and planning for social care in later life: a deliberative focus group study. *Health & social care in the community*, 27(5), e687-e696.
- Fausset, C. B., Kelly, A. J., Rogers, W. A., & Fisk, A. D. (2011). Challenges to aging in place: Understanding home maintenance difficulties. *Journal of Housing for the Elderly*, 25(2), 125-141.
- Gill, P., Stewart, K., Treasure, E., & Chadwick, B. (2008). Methods of data collection in qualitative research: Interviews and focus groups. *British Dental Journal*, 204(6), 291 – 295.
- Guimarães, L. D. A., Brito, T. A., Pithon, K. R., Jesus, C. S. D., Souto, C. S., Souza, S. J. N., & Santos, T. S. D. (2019). Depressive symptoms and associated factors in elderly long-term care residents. *Ciencia & saude coletiva*, 24, 3275-3282.
- Hashim, M. F. (2021, 25 Februari). RM70.5 juta naik taraf RSK Johor Bahru. Utusan Malaysia Online. Diakses daripada <https://www.utusan.com.my/berita/2021/02/rm70-5-juta-naik-taraf-rsk-johor-bahru/>
- Henning-Smith, C. E., & Shippee, T. P. (2015). Expectations about future use of long-term services and supports vary by current living arrangement. *Health Affairs*, 34(1), 39-47.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2020). Rumah Seri Kenangan. Diakses daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=M2k3Q2xST0JJWE9Qa2Z2L253VDI2dz09>
- Jabatan Statistik Malaysia. (2017, March). Silver Tsunami. *Population and Demographics Ageing Newsletter*, 1, 1-2.
- Jumadi, N., Noor, N. A. M., Bujang, A. A., Maimun, N. H. A., Ismail, W. I. F. W., Yusoff, N. S. M., & Rahman, M. S. A. (2019). Active ageing and housing environment concept among elderly Muslims. *Planning Malaysia*, 17(9).
- Karakaya, M. G., Bilgin, S. Ç., Ekici, G., Köse, N., & Otman, A. S. (2009). Functional mobility, depressive symptoms, level of independence, and quality of life of the elderly living at home and in the nursing home. *Journal of the American Medical Directors Association*, 10(9), 662-666.
- Kim, J., Choi, Y., Park, S., Cho, K. H., Ju, Y. J., & Park, E. C. (2017). The impact of living arrangements on quality of life among Korean elderly: findings from the Korean Longitudinal Study of Aging (2006–2012). *Quality of Life Research*, 26(5), 1303-1314.
- Kitzinger, J. (1995). Qualitative research: Introducing focus groups. *Bmj*, 311(7000), 299 – 302.
- Klinenberg, E. (2013). *Going solo: The extraordinary rise and surprising appeal of living alone*. New York: The Penguin Press.
- Kooshiar, H., Yahaya, N., Hamid, T. A., Samah, A. A., & Jou, V. S. (2012). Living arrangement and life satisfaction in older Malaysians: the mediating role of social support function. *PloS one*, 7(8), e43125.
- Kumar, S., & Kumar, K. A. (2019). Living arrangement and economic dependency among the elderly in India: a comparative analysis of EAG and non EAG states. *Ageing International*, 44(4), 352-370.

- Mansor, N. S. (2021, 3 Mac). 177 warga emas RSK Bedong dipindah. Utusan Malaysia Online. Diakses daripada <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/177-warga-emas-rsk-bedong-dipindah/>
- Martin, L. G. (1989). Living arrangements of the elderly in Fiji, Korea, Malaysia, and the Philippines. *Demography*, 26(4), 627-643.
- Meng, D., Xu, G., He, L., Zhang, M., & Lin, D. (2017). What determines the preference for future living arrangements of middle-aged and older people in urban China?. *Plos one*, 12(7), e0180764.
- Meng, D., Xu, G., He, L., Zhang, M., & Lin, D. (2017). What determines the preference for future living arrangements of middle-aged and older people in urban China?. *Plos one*, 12(7), e0180764.
- Mohd, S., Senadjki, A., & Mansor, N. (2017). Living arrangements of elderly: Evidence from household income expenditure survey. *Journal of Population Ageing*, 10(4), 323-342.
- Naik, MHSc, P., & Ueland, PhD, V. I. (2020). How Elderly Residents in Nursing Homes Handle Loneliness—From the Nurses’ Perspective. *SAGE Open Nursing*, 6, 2377960820980361.
- Newcomer, K. E., Hatry, H. P., & Wholey, J. S. (2015). Focus group interviewing. *Handbook of Practical Program Evaluation*, 506.
- Nyumba, T. O., Wilson, K., Derrick, C. J., & Mukherjee, N. (2018). The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation. *Methods in Ecology and Evolution*, 9(1), 20 – 32.
- Padyab, M., Reher, D., Requena, M., & Sandström, G. (2019). Going it alone in later life: a comparative analysis of elderly women in Sweden and Spain. *Journal of Family Issues*, 40(8), 1038-1064.
- Safavi, S. (2015). Comparing quality of life, social support and depression among elderly living at home and nursing home residents. *Journal of Geriatric Nursing*, 1(3), 34-46.
- Samsudin, S., Abdullah, N., Ismail, N. S. A., Hassan, K., & Ahmad, U. A. (2019). Growing old at own home: A study among pre-elderly adults in Peninsular Malaysia. *Economics & Sociology*, 12(1), 115-124.
- Schaber, P. L., & Stum, M. S. (2007). Factors impacting group long-term care insurance enrollment decisions. *Journal of Family and Economic Issues*, 28(2), 189-205.
- Sixsmith, A., & Sixsmith, J. (2008). Ageing in place in the United Kingdom. *Ageing International*, 32(3), 219-235.
- Smarr, C. A., Mitzner, T. L., Beer, J. M., Prakash, A., Chen, T. L., Kemp, C. C., & Rogers, W. A. (2014). Domestic robots for older adults: attitudes, preferences, and potential. *International journal of social robotics*, 6(2), 229-247.
- Stones, D., & Gullifer, J. (2016). ‘At home it's just so much easier to be yourself’: older adults' perceptions of ageing in place. *Ageing & Society*, 36(3), 449-481.
- Stones, D., & Gullifer, J. (2016). ‘At home it's just so much easier to be yourself’: older adults' perceptions of ageing in place. *Ageing & Society*, 36(3), 449-481.
- Tobi, S. M., Fathi, M. S., & Amaratunga, D. (2017, October). Ageing in place, an overview for the elderly in Malaysia. In *AIP conference proceedings* (Vol. 1891, No. 1, p. 020101). AIP Publishing LLC.
- Tümer, A., Dönmez, S., Gümüşsoy, S., & Balkaya, N. A. (2021). The relationship among aging in place, loneliness, and life satisfaction in the elderly in Turkey. *Perspectives in Psychiatric Care*.
- Vanleerberghe, P., De Witte, N., Claes, C., Schalock, R. L., & Verté, D. (2017). The quality of life of older people aging in place: a literature review. *Quality of Life Research*, 26(11), 2899-2907.

- Wagiman, A., Mohidin, H. H. B., & Ismail, A. S. (2016, February). Elderly Care Centre. Dlm *IOP Conf. Ser.: Earth Environ. Sci* (Vol. 30, No. 012008, pp. 1755-1315).
- Waite, L., & Das, A. (2010). Families, social life, and well-being at older ages. *Demography*, 47(1), S87-S109.
- Wang, H., Chen, K., Pan, Y., Jing, F., & Liu, H. (2013). Associations and impact factors between living arrangements and functional disability among older Chinese adults. *PLoS One*, 8(1), e53879.
- Wilkinson, S. (2011). Analysing focus group data. *Qualitative Research*, 3, 168 – 184.
- Yip, C. (2012, April 28). Private pension funds for the financial future of senior citizens. The Star. Diakses daripada <https://www.agedcare.com.my/private-pension-funds-for-the-financial-future-of-senior-citizens/>